



Sepiring Café Sdn Bhd Privacy & PDP Policy

Thank you for visiting us online at www.sepiring.com.my. If you continue to browse and use this website, you are agreeing to comply with and be bound by the Sepiring Cafe Sdn Bhd (“**Sepiring**”) Privacy and Personal Data Protection Policy (“**Policy**”).

At Sepiring, we strive to do everything we can to respect the trust customers have in our brand and our commitment to your privacy is no exception. We are committed to protecting and safeguarding consumer privacy.

1. This Policy is issued by taking into account the **Personal Data Protection Act 2010 (“the Act”)** that was introduced by the Government of Malaysia to regulate the processing of Personal Data in commercial transactions. The Act requires us to inform you of your rights in respect of your Personal Data that is being processed or that is to be collected and further processed by us and the purposes for the data processing. The Act also requires us to obtain your consent to the processing of your Personal Data. In view of the Act, Sepiring is committed to ensuring that your Personal Data is protected.

2. Collection of Personal Data

Consequently, we wish to inform you that the types of Personal Data collected essentially depend on the purpose of collection. Thus, depending on the purpose of collection, the Personal Data collected may be in the form of:

- (a) Name
- (b) Date of birth
- (c) Gender
- (d) Particulars of identity card/passport
- (e) Contact information, address
- (f) Nationality
- (g) Photograph, video, CCTV

3. Purpose of Collection

The Personal Data as provided/furnished by you to Sepiring or collected by Sepiring from you or through such other sources as maybe necessary for the fulfilment of the purposes (“**collected**”) at the time it was sought or collected, will be used for such purpose and or for the following reasons (collectively “**Purposes**”):

- (a) Assessing application to register for the use of Sepiring Website [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)–(g) or part thereof].
- (b) Assessing application for franchising [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)–(g) or part thereof].

- (c) To communicate with you [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)-(e) or part thereof].
- (d) To provide services, to process billing / payment transactions [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)-(g) or part thereof].
- (e) To respond to your inquiries [Personal Data collected maybe in the form of 2(a), (d), (e) or part thereof, depending on the nature of your inquiries].
- (f) To administer participation in any contest/program related to the public organised by us [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)-(g) or part thereof].
- (g) For marketing and promotional activities, market surveys, trend and statistical analysis [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)-(g) or part thereof].
- (h) For the maintenance and upkeep of customer records [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)-(g) or part thereof].
- (i) Meeting any legal or regulatory requirements relating to our provision of services and products and to make disclosure under the requirements of any applicable law, regulation, direction, court order, by-law, guideline, circular, code applicable to us or our affiliates [Personal Data collected maybe in any form as required by the requirements].
- (j) To enter into the necessary agreement and/or contract [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)-(g) or part thereof].
- (k) For handling the report for lost item, customer complaints and taking appropriate action relating thereto [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)-(g) or part thereof].
- (l) For security and crime prevention purposes, risks management, safeguarding Sepiring in the event of any claim, litigation, suits etc [Personal Data collected maybe in the form of 2(a)-(g) or part thereof].
- (m) For any other grounds or reasons [Personal Data collected will correspond to such grounds or reasons].

[Note that the reference to the items set out in clause 2 is based on the normal practices, subject to changes if the circumstances require].

Please note that it is necessary for you to provide us with your personal data. Failure to do so may result in us being unable to process and/or use your personal data in relation to the Purposes.

4. **Rights of Access** You may at any time hereafter make inquiries, complaints and request for access to, or correction of, your Personal Data or limit the processing of your Personal Data, including the Personal Data relating to other persons who may be identified from that Personal Data by submitting such request in writing to our Personal Data Protection Officer at the address as set out below:

Headquarters Address:

TCRS Restaurants Sdn Bhd
 Lot 3&3A, Lorong Teknologi A
 Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara
 47810 Petaling Jaya, Selangor

Attention:

Corporate Data Protection Officer

Phone Number: +603-2106 8880

Any Personal Data retained by us shall be destroyed and/or deleted from our records and system in accordance with our retention policy in the event such data is no longer required for the said Purposes.

5. Disclosure of Personal Data

Sepiring does not sell, transfer or disclose personal information to third parties outside The Chicken Rice Shop Family. The Personal Data provided to us will be kept confidential however, we may disclose your Personal Data to the following parties:

- (a) Within The Chicken Rice Shop Family that includes Sepiring, our franchisees, our subsidiaries, business partners and our affiliates that provide related services or products in connection with our business;
- (b) Our auditors, consultants, lawyers, accountants or other financial or professional advisers appointed in connection with our business;
- (c) Our third-party service providers, third-party management companies, sub-contractors or other parties as may be deemed necessary by us to facilitate your dealings with us;
- (d) Our appointed service providers in relation of our delivery services; and
- (e) Any persons, government agencies, statutory authorities and/or industry regulators, whom we are compelled or required to do so pursuant to anylaw.

Third parties are legally tasked with processing your Personal Data in line with principles specified by Sepiring and may not use it for any other purposes. Third parties are also held responsible for securing your Personal Data at an appropriate level of security in relation to applicable data protection laws and widely accepted industry standards.

6. Integrity of Your Personal Data

You are responsible for ensuring that the Personal Data you provide to us is accurate, complete and not misleading and that such Personal Data is kept up to date. We may request your assistance to procure the consent of third parties whose Personal Data is provided by you to us and you agree to use your best endeavours to do so.

7. Transferring Personal Data outside of Malaysia

It may be necessary, if so required for any of the Purposes to transfer your Personal Data to locations outside Malaysia or to disclose to our related corporations, licensees, franchisees, business partners, service providers and/or the relevant authorities, who may be located within or outside Malaysia. Save for the foregoing, your Personal Data will not be knowingly transferred to any place outside Malaysia or be knowingly disclosed to any third party.

8. Language

In accordance to Section 7(3) of the Act, this Policy is issued in both Bahasa Malaysia and English languages. In the event of any inconsistency, the English language version of this Policy shall prevail.

9. Links to Other Sites

We may offer links to sites that are not operated by Sepiring. If you visit one of these linked sites, you should review their privacy and other policies. We are not responsible for the policies and practices of other companies, and any information you submit to those companies is subject to their privacy policies.

10. Other The Chicken Rice Shop Web Sites

All The Chicken Rice Shop web sites operated by The Chicken Rice Shop Corporation will adhere to the sites' privacy policy. The policies of some The Chicken Rice Shop sites may vary, because of local customs, practices or laws or due to circumstances unique to that site.

11. Changes to this Policy

This Policy is effective as of June 2014. From time to time, it may be necessary for Sepiring to change this Policy. If we change our Policy, we will post the revised version here, so we suggest that you check here periodically for the most up-to-date version of our Policy.

12. Consent

We trust that you have read and understood the statements and terms in this Policy. By providing and continuing to provide your Personal Data to us, you declare that you have read, understood and accepted the statements and terms herein and you agree to the processing of your personal data. Thanks again for visiting our website and for placing your trust in Sepiring.



Sepiring Café Sdn Bhd Polisi PDP & Privasi

Terima kasih kerana melayari laman web kami di www.sepiring.com.my. Sekiranya anda teruskan untuk melayari dan menggunakan laman web ini, anda bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Polisi Privasi dan Perlindungan Data Peribadi (“Polisi”) dari Sepiring Cafe Sdn Bhd (“Sepiring”).

Di Sepiring, kami berusaha untuk membuat segala yang kami mampu untuk menghormati amanah yang para pelanggan telah letakkan dalam jenama kami dan komitmen kami ke atas privasi anda tidak dikecualikan. Kami komited dalam melindungi dan menjaga privasi pengguna.

1. Polisi ini dikeluarkan dengan mengambil kira **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”)** yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengawal selia pemprosesan Data Peribadi dalam urusan komersial. Akta ini memerlukan kami untuk memaklumkan kepada anda tentang hak-hak anda berkenaan dengan Data Peribadi anda yang sedang diproses atau yang akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya oleh kami dan tujuan untuk pemprosesan data. Akta ini juga memerlukan kami untuk mendapatkan persetujuan anda terhadap pemprosesan Data Peribadi anda. Selaras dengan Akta itu, kami komited untuk memastikan bahawa data peribadi anda dilindungi.

2. Pengumpulan Data Peribadi

Dalam pada itu, kami ingin memaklumkan kepada anda bahawa jenis-jenis Data Peribadi yang dikumpulkan pada asasnya bergantung kepada tujuan pengumpulan. Dengan itu, bergantung kepada tujuan pengumpulan, Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk:

- (a) Nama
- (b) Tarikh lahir
- (c) Jantina
- (d) Butiran kad pengenalan/pasport
- (e) Maklumat perhubungan, alamat
- (f) Kewarganegaraan
- (g) Foto, video, CCTV

3. Tujuan Pengumpulan

Data Peribadi yang disediakan/diberikan oleh anda kepada Sepiring atau yang dikumpulkan oleh Sepiring daripada anda atau melalui sumber lain yang mungkin diperlukan untuk memenuhi tujuan (“**dikumpulkan**”) pada masa data itu diminta atau dikumpulkan, akan digunakan untuk tujuan dan sebab-sebab yang berikut (secara kolektif “**Tujuan**”):

- (a) Menilai permohonan pendaftaran untuk penggunaan Laman Web Sepiring [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g), atau sebahagian daripadanya].
- (b) Menilai permohonan untuk francais [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g) atau sebahagian daripadanya].
- (c) Untuk berkomunikasi dengan anda [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(e) atau sebahagian daripadanya].
- (d) Untuk menyediakan perkhidmatan, untuk memproses urus niaga bil / pembayaran [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g), atau sebahagian daripadanya].
- (e) Untuk menjawab pertanyaan anda [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a), (d), (e) atau sebahagian daripadanya, bergantung kepada jenis pertanyaan anda].

- (f) Menjalankan penyertaan dalam mana-mana pertandingan/program yang berkaitan dengan orang awam yang dianjurkan oleh kami [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g) atau sebahagian daripadanya].
- (g) Untuk aktiviti pemasaran dan promosi, kaji selidik pasaran, trend dan analisis statistik [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g) atau sebahagian daripadanya].
- (h) Untuk penyelenggaraan dan penyelenggaraan rekod pelanggan [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g) atau sebahagian daripadanya].
- (i) Memenuhi sebarang keperluan undang-undang atau pengawalseliaan yang berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan dan produk kami dan untuk membuat penzahiran atas kehendak mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang terpakai kepada kami atau sekutu kami [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam sebarang bentuk seperti yang dikehendaki oleh keperluan].
- (j) Untuk memeterai perjanjian dan/atau kontrak yang diperlukan [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g) atau sebahagian daripadanya].
- (k) Untuk mengendalikan laporan untuk barang yang hilang, aduan pelanggan dan mengambil tindakan yang sesuai berkaitan dengannya [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g) atau sebahagian daripadanya].
- (l) Untuk tujuan keselamatan dan pencegahan jenayah, pengurusan risiko, membela Sepiring jika terdapat sebarang tuntutan, litigasi, saman dan sebagainya [Data Peribadi yang dikumpulkan mungkin dalam bentuk 2(a)-(g) atau sebahagian daripadanya].
- (m) Untuk apa-apa sebab atau alasan yang lain [Data Peribadi yang dikumpulkan akan tertakluk kepada alasan atau sebab sedemikian].

[Sila ambil perhatian bahawa rujukan kepada perkara yang dinyatakan dalam klausa 2 adalah berdasarkan amalan biasa, tertakluk kepada perubahan jika keadaan memerlukan].

Sila ambil perhatian bahawa anda perlu memberi kami data peribadi anda. Kegagalan untuk berbuat demikian mungkin mengakibatkan kami tidak dapat memproses dan/atau menggunakan data peribadi anda yang berkaitan dengan tujuan-tujuan tersebut.

4. Hak Akses

Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini membuat pertanyaan, aduan dan permintaan untuk mengakses, atau membetulkan, Data Peribadi anda atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda, termasuk Data Peribadi yang berhubungan dengan orang lain yang boleh dikenal pasti daripada Data Peribadi tersebut dengan mengemukakan permintaan tersebut secara bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami di alamat yang dinyatakan di bawah:

Alamat Ibu Pejabat:

TCRS Restaurants Sdn Bhd
Lot 3&3A, Lorong Teknologi A
Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Perhatian:
Pegawai Perlindungan Data Korporat

Nombor Telefon: +603-2106 8880

Sebarang Data Peribadi yang disimpan oleh kami akan dimusnahkan dan/atau dipadamkan daripada rekod dan sistem kami mengikut dasar penyimpanan kami sekiranya data tersebut tidak lagi diperlukan untuk Tujuan tersebut.

5. Penzahiran Data Peribadi

Sepiring tidak menjual, memindah atau menzahirkan maklumat peribadi kepada pihak ketiga di luar Keluarga The Chicken Rice Shop. Data Peribadi yang diberikan

kepada kami akan disimpan secara sulit tetapi, kami boleh menzahirkan Data Peribadi anda kepada pihak yang berikut:

- (a) Di dalam Keluarga The Chicken Rice Shop yang termasuk Sepiring, francais kami, anak syarikat kami, rakan perniagaan dan sekutu kami yang menyediakan perkhidmatan atau produk yang berkaitan dengan perniagaan kami;
- (b) Juruaudit kami, perunding, peguam, akauntan atau penasihat kewangan atau profesional yang lain yang dilantik berkaitan dengan perniagaan kami;
- (c) Penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami, syarikat pengurusan pihak ketiga, subkontraktor atau pihak lain yang kami anggap perlu untuk memudahkan urusan anda dengan kami;
- (d) Penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami yang berkaitan dengan perkhidmatan penghantaran kami; dan
- (e) Mana-mana orang, agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun dan/atau pengawal selia industri, yang kami dipaksa atau dikehendaki berbuat demikian menurut mana-mana undang-undang.

Pihak ketiga bertanggungjawab secara sah untuk memproses Data Peribadi anda selaras dengan prinsip yang ditetapkan oleh Sepiring dan tidak boleh menggunakannya untuk tujuan lain. Pihak ketiga juga bertanggungjawab untuk melindungi Data Peribadi anda pada tahap keselamatan yang sesuai berhubung dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai dan standard industri yang diterima secara meluas.

6. Integriti Data Peribadi Anda

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa Data Peribadi tersebut sentiasa dikemas kini. Kami boleh meminta bantuan anda untuk mendapatkan persetujuan pihak ketiga yang mana Data Peribadinya telah diberikan oleh anda kepada kami dan anda bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk berbuat demikian.

7. Memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia

Sekiranya diperlukan, untuk mana-mana Tujuan untuk memindahkan Data Peribadi anda ke lokasi di luar Malaysia atau untuk menzahirkan kepada syarikat, pemegang lesen, francais, rakan niaga, penyedia perkhidmatan dan/atau pihak berkuasa yang berkenaan, yang mungkin terletak di dalam atau di luar Malaysia. Melainkan untuk perkara-perkara tersebut, Data Peribadi anda tidak akan, secara disedari, diserahkan kepada mana-mana tempat di luar Malaysia atau secara disedari, dizahirkan kepada mana-mana pihak ketiga.

8. Bahasa

Selaras dengan Seksyen 7(3) Akta, Polisi ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya berlaku ketidakselarasan, Polisi dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

9. Pautan ke Laman Lain

Kami boleh menawarkan pautan ke laman web yang tidak dikendalikan oleh Sepiring. Jika anda melawat salah satu laman web yang dipautkan ini, anda harus menyemak privasi dan polisi mereka yang lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap polisi dan amalan syarikat lain, dan apa-apa maklumat yang anda serahkan kepada syarikat tersebut adalah tertakluk kepada polisi privasi mereka.

10. Laman Web The Chicken Rice Shop yang lain

Semua laman web The Chicken Rice Shop yang dikendalikan oleh The Chicken Rice Shop Corporation akan mematuhi dasar privasi laman web tersebut. Dasar-dasar beberapa laman web The Chicken Rice Shop boleh mempunyai perbezaan, oleh kerana adat, amalan atau undang-undang tempatan atau disebabkan keadaan yang unik kepada laman web tersebut.

11. Pemindaan kepada Polisi ini

Polisi Perlindungan Data Peribadi dan Privasi ini berkuatkuasa pada Jun 2014. Dari semasa ke semasa, Sepiring mungkin diperlukan untuk meminda Polisi ini. Sekiranya kami meminda Polisi kami, kami akan menyiarkan versi yang disemak di sini, jadi kami cadangkan anda menyemak di sini secara berkala untuk versi Polisi kami yang paling terkini.

12. Persetujuan

Kami percaya bahawa anda telah membaca dan memahami pernyataan dan terma dalam Polisi ini dan bersetuju kepada pemprosesan Data Peribadi anda oleh Sepiring. Dengan membekal dan terus membekalkan Data Peribadi anda kepada kami, anda menyatakan bahawa anda telah membaca, memahami dan menerima kenyataan dan terma di sini dan anda bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda. Terima kasih sekali lagi kerana melawati laman web kami dan kerana meletakkan kepercayaan anda di Sepiring.